



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (05 JANUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **13 kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Kuching (5), Miri (5), Bintulu (2) dan Pusa (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,161 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **I. Daerah Kuching (5 Kes)**

##### **a) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (2 Kes Import-B)**

**Kes 1,150** adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari Johor Bahru melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Setibanya di Kuching pada 02 Januari 2021, kes telah menjalani saringan COVID-19 dan keputusan adalah positif. Kes telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin dan menjalani ujian rt-PCR dimana keputusan didapati positif.

**Kes 1,151** merupakan seorang kanak-kanak lelaki warga tempatan (Sarawak) kembali ke Sarawak. Kes bersama ahli keluarga beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 02 Januari 2021 dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin bagi menjalani arahan kuarantin wajib di pusat kuarantin. Saringan COVID-19 yang telah diambil pada 02 Januari 2021 dan didapati positif pada 04 Januari 2021.

Kedua-dua kes 1,150 dan 1,151 tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes Import B di mana kes ini telah mendapat jangkitan semasa masih berada di kawasan berisiko jangkitan.

**b) Saringan COVID-19 Sebelum Masuk Bekerja: (1 Kes Import-A)**

**Kes 1,152** merupakan seorang wanita warganegara Indonesia yang telah menjalani saringan COVID-19 sebelum diterima bekerja. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 04 Januari 2021 di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching dan telah didapati positif melalui ujian rT-PCR pada hari yang sama.

Hasil siasatan mendapati kes tidak mempunyai rekod data kemasukan ke Sarawak dan kes ini juga didapati memiliki dokumen perjalanan yang meragukan.

Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Sehingga siasatan lanjut selesai dijalankan dan pengesanan sebenar kemasukan kes ini ke Sarawak, kes ini dikategorikan sebagai kes Import A.

**c) Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (1 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,153** adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kes dan berkemungkinan mempunyai kontak rapat dengan kes-kes yang telah dilaporkan sebelum ini yang melibatkan Kluster Stutong di Daerah Kuching. Kes ini telah menjalani saringan pada 03 Januari 2021 dan didapati positif pada 04 Januari 2021. Kes adalah kontak sosial secara tidak langsung kepada kes 1,118.

Kes tidak menunjukkan tanda atau gejala dan telah dimasukkan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan daripada kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan sebelum ini. Siasatan lanjut ke atas kes-kes ini dan pengesanan kontak-kontak lain sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

**d) Daerah Kuching: Saringan Individu Bergejala: (1 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,158** adalah seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching pada 04 Januari 2021. Kes disaring kerana mengalami sakit kepala dan sakit tekak sejak 29 Disember 2020 yang lepas. Kes pernah mendapat rawatan di sebuah klinik swasta di Bandaraya Kuching pada 29 Disember 2020 tetapi gejala kes masih tidak reda.

Pada 01 Januari 2021, keadaan kes bertambah teruk dan kes telah mengalami hilang deria bau dan telah membuat saringan COVID-19 pada 04 Januari 2021 dan kes didapati positif pada hari yang sama.

Kes tidak mempunyai kontak dengan mana-mana kes positif COVID-19 dan tidak mempunyai pergerakan ke luar negara atau sejarah perjalanan ke kawasan berisiko tinggi di mana-mana negeri lain di Malaysia.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah pergerakan kes dalam tempoh satu bulan yang lepas. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan semua kontak kepada kes ini sedang dijalankan.

## **II. Daerah Miri (5 Kes)**

### **a) Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (1 Kes Jangkitan Tempatan).**

**Kes 1,149** merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang disaring kerana mempunyai kontak sosial dengan kes 1,116. Kes telah disaring pada 03 Januari 2021 dan didapati positif pada 04 Januari 2021.

Kes tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan iaitu telah mendapat jangkitan daripada kes indeks 1,116. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak-kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Miri.

### **b) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (4 Kes Import-B)**

**Kes 1,154** adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang baru balik setelah tamat arahan bertugas di Semporna, Sabah. Kes telah balik ke Miri pada 25 Disember 2020 dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin hotel di Bandaraya Miri bagi menjalani arahan kuarantin wajib selama 14 hari.

Sebelum balik ke Miri, Sarawak, kes pernah menjalani saringan COVID-19 menggunakan RTK Antigen dan didapati negatif untuk COVID-19. Kes juga telah disaring pada kali pertama setelah masuk ke Miri pada 27 Disember 2020 dan juga didapati negatif bagi ujian rT-PCR untuk COVID-19.

Walau bagaimanapun ujian saringan kedua pada 02 Januari 2021 mendapati kes positif pada 04 Januari 2021. Kes ini tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes ini adalah kes jangkitan Import B.

**Kes 1,155, 1,156 dan 1,157** adalah tiga (3) orang lelaki warga tempatan (Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang) yang disaring bagi individu yang baru balik dari Semenanjung Malaysia. Kes-kes ini adalah di dalam lingkungan umur 24 hingga 52 tahun dan masuk ke Sarawak bagi tujuan perniagaan.

Kes-kes ini telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Miri dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-2) pada 31 Disember 2020. Setibanya mereka di Lapangan Terbang Miri, mereka telah diarahkan menjalani kuarantin di rumah dan dikehendaki menjalani saringan COVID-19. Mereka telah menjalani arahan kuarantin di sebuah rumah sewa di Taman Jelita, Miri.

Saringan COVID-19 telah dijalankan pada 02 Januari 2021 dan didapati positif pada 04 Januari 2021. Kesemua mereka tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko jangkitan COVID-19.

### **III. Daerah Bintulu (2 Kes)**

#### **a) Saringan Individu Yang Balik dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (2 Kes Import B)**

**Kes 1,159** merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Bintulu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-2).

Kes ini telah tiba di Lapangan Terbang Bintulu pada 03 Januari 2021 dan telah menjalani saringan serta diberi arahan kuarantin di pusat kuarantin hotel bagi menjalani tempoh kuarantin wajib selama 10 hari.

Saringan COVID-19 yang telah dijalankan pada 03 Januari 2021 didapati positif. Kes tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes ini adalah kes jangkitan Import B.

**Kes 1,160** merupakan warga tempatan (Sarawak) yang telah membuat perjalanan pergi ke Selangor pada 31 Disember 2020 dan balik semula ke Bintulu melalui Lapangan Terbang Bintulu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 03 Januari 2021.

Kes balik ke Bintulu pada 03 Januari 2021 dan telah diberikan arahan kuarantin di pusat kuarantin hotel selama 14 hari dan telah menjalani saringan COVID-19 pada 03 Januari 2021 dan didapati positif ujian rT-PCR COVID-19 pada 04 Januari 2021.

Kes ini juga tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes ini adalah kes jangkitan Import B.



#### **IV. Daerah Pusa (1 Kes)**

##### **b) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (1 Kes Import-B)**

**Kes 1,161** merupakan seorang kanak-kanak lelaki warga tempatan (Johor) yang telah balik ke Pusa, Betong bersama enam (6) lagi ahli keluarga yang lain dari Johor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai ke Lapangan Terbang Sibu pada 26 Disember 2020.

Setibanya di Lapangan Terbang Sibu pada 26 Disember 2020 keistimewaan menjalani saringan bersama ahli keluarga yang lain, dan telah diberikan arahan kuarantin di rumah selama 14 hari dan telah dipakaikan gelang. Kes dan ahli keluarga telah diambil oleh ahli keluarga dari Lapangan Terbang Sibu ke Pusa menaiki kenderaan persendirian.

Ujian saringan yang dijalankan pada 26 Disember 2020 mendapati kes adalah negatif pada 27 Disember 2020. Walau bagaimanapun, saringan kedua yang telah dijalankan pada 02 Januari 2021 didapati positif.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Sibul untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam pengesanan kontak-kontak lain yang berkemungkinan telah terdedah kepada kes ini. Kes dikategorikan sebagai Kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa masih berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

### **B. Pengisytiharan Kluster Baharu: Kluster Bah Sayap, Miri.**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak mengisytiharkan satu (1) kluster baharu iaitu **Kluster Bah Sayap** di Daerah Miri yang melibatkan Daerah Miri di Sarawak dan Kota Kinabalu di Sabah. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes 1,116 yang telah dikesan pada 31 Disember 2020 hasil saringan individu yang bergejala di sebuah hospital swasta di Bandaraya Miri. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini setakat hari ini adalah seramai lima (5) orang termasuk kes indeks dengan penambahan satu (1) kes pada hari ini. Sejumlah 48 individu telah disaring, dimana:

- 5 kes dikesan positif COVID-19 (1 kes baharu);
- 41 individu negatif; dan
- 2 individu yang masih menunggu keputusan.

### **C. Kluster Yang Masih Aktif.**

Hari ini tiga (3) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

**I. Kluster Bah Sayap, Miri :** terdapat lima (5) kes telah dikesan dan satu (1) kes yang dilaporkan hari ini.

**II. Kluster Stutong, Kuching :** terdapat satu (1) penambahan kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada sepuluh (10) kes. Sejumlah 98 individu telah disaring dimana 81 negatif dan tujuh (7) masih menunggu keputusan.

**III. Kluster Mador, Meradong :** tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,230 individu telah disaring, dimana 306 negatif dan 916 masih menunggu keputusan.

### **D. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Terdapat **lapan (8)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Bintulu (5), Hospital Umum Sarawak (2) dan Hospital Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,079** orang atau **92.94%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **61** orang iaitu:

- 27 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 14 kes di Hospital Sibul;
- 14 kes di Hospital Miri;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Sungai Buloh.

Hari ini, **22 PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Kuching, Miri, Sibul, Bintulu, Meradong, Bukit Mabong dan Lawas kekal berstatus Kuning** dengan jumlah keseluruhan 26 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Manakala 33 buah daerah yang lain di Sarawak berada dalam status Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Garis Panduan Pengecualian Pembayaran Kos Kuarantin dan Ujian RT-PCR COVID-19**

- i) Bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar Sarawak (3 tahun ke atas) dan kedua-dua atau salah seorang ibu bapa adalah rakyat Sarawak, kos kuarantin dan ujian RT-PCR akan ditanggung oleh Kerajaan Sarawak;
- ii) Bagi bukan rakyat Sarawak di mana pasangan merupakan rakyat Sarawak, kos tanggungan bilik di pusat kuarantin dan ujian RT-PCR COVID-19 akan ditanggung oleh Kerajaan Sarawak dan perlu menunjukkan bukti surat perkahwinan.

### **B. Perhimpunan Orang Ramai**

Bagi majlis sosial dan rasmi yang membabitkan perhimpunan orang ramai, dibenarkan 50 peratus mengikut saiz ruang dan penjarakan fizikal. ***(Contohnya, jika kapasiti sesebuah dewan boleh memuatkan 1,000 orang dalam satu-satu masa, kita benarkan 50 peratus bagi kapasiti dewan berkenaan)***. Bagi tempat terbuka, hanya dibenarkan **200 orang** sahaja.

### **C. Garis Panduan (SOP) Pemberitahuan Tempat / Lokasi Jangkitan**

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) akan mengeluarkan garis panduan (SOP) bagi pemberitahuan tempat / lokasi jangkitan kepada orang awam.

### **D. Warta Yang Dikeluarkan Oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sarawak**

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) akan mengeluarkan warta berikut yang berkuatkuasa dari 01 Januari hingga 31 Mac 2021:

*Protection Of Public Health (Measure On Carrying Out Of Activities And Movement Of Person Within Infected Local Areas (No. 3) Order, 2021 under Protection Of Public Health Ordinance, 1999*

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **dua (2) kompaun** di Daerah Betong kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **74 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (28), MPP (22), MD Marudi (14), DBKU (4), MD Serian (2), BDA (2), MPKS (1) dan MD Limbang (1).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**05 JANUARI 2021**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

<b>Cumm. Positive Cases</b>	<b>1148</b>	<b>Total Cases still in ward</b>	<b>61</b>	<b>5.25%</b>
<b>New Cases</b>	<b>13</b>	<b>Cases in Intensive Care Unit (ICU)</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
<b>Total Samples by Individu</b>	<b>216,879</b>	<b>Intubated Cases</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
<b>Cumm. Positive Cases</b>	<b>1161</b>	<b>Total Death Cases</b>	<b>19</b>	<b>1.64%</b>
<b>IR per 100,000 population</b>	<b>37.63</b>	<b>Recovered and discharged cases</b>	<b>1,079</b>	<b>92.94%</b>
<b>Lab. Results (PUI)</b>	<b>New</b>	<b>Cummulative</b>	<b>New</b>	<b>Cummulative</b>
<b>Negative</b>	<b>8</b>	<b>10,013</b>	<b>22</b>	<b>11,175</b>
<b>Pending Result</b>	<b>1</b>	<b>1</b>		

<b>Current Status</b>	<b>SGH Kuching</b>	<b>Hospital Sibul</b>	<b>Hospital Bintulu</b>	<b>Hospital Miri</b>	<b>Hospital Sungai Buloh</b>	<b>TOTAL</b>
<b>Patients still in ward</b>	<b>27</b>	<b>14</b>	<b>5</b>	<b>14</b>	<b>1</b>	<b>61</b>
<b>Kes di Intensive Care Unit (ICU)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Intubated cases</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Total Death Cases</b>	<b>17</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>19</b>
<b>Recovered and discharged cases</b>	<b>New</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>8</b>
	<b>Cummulative</b>	<b>890</b>	<b>46</b>	<b>55</b>	<b>82</b>	<b>1075</b>
<b>Total re-admission cases (Re-tested Positive)</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>22</b>

<b>DAERAH KUNING (7)</b>												
<b>No.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Patient Under Investigation</b>		<b>Kes COVID-19</b>		<b>Kes Discaj</b>		<b>Kematian</b>		<b>Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)</b>	<b>Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari</b>	<b>Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari</b>
		<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>			
1	Bukit Mabong	0	1	0	1	0	0	0	0	1	1	1
2	Sibu	0	139	0	33	0	26	0	0	7	7	2
3	Miri	5	929	5	74	1	60	0	1	13	15	5
4	Meradong	0	39	0	4	0	0	0	0	4	4	3
5	Lawas	0	30	0	12	0	11	0	0	1	1	1
6	Bintulu	2	340	2	61	5	55	0	0	6	11	2
7	Kuching	13	7,557	5	749	2	713	0	12	24	26	12
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>9035</b>	<b>12</b>	<b>934</b>	<b>8</b>	<b>865</b>	<b>0</b>	<b>13</b>	<b>56</b>	<b>65</b>	<b>26</b>

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**



DAERAH HIJAU (33)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	1	338	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
3	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
4	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
5	Lubok Antu	0	29	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Bau	0	189	0	7	0	7	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	9	0	4	0	3	0	0	1	1	0
10	Asajaya	0	46	0	7	0	5	0	0	2	2	0
11	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	0	0
12	Betong	0	191	0	17	0	16	0	0	1	1	0
13	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
16	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Pusa	1	9	1	1	0	0	0	0	1	1	0
18	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Dalat	0	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
27	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>2,140</b>	<b>1</b>	<b>227</b>	<b>0</b>	<b>214</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>22</b>	<b>11,175</b>	<b>13</b>	<b>1,161</b>	<b>8</b>	<b>1,079</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>63</b>	<b>71</b>	<b>26</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **512 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **43 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,244 orang**. Manakala seramai **48,205 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 05.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,419)</b>	Hock Lee	143
2		Kuching Park	114
3		Pullman	332
4		Hilton	375
5		Harbour View	246
6		Riverside (Astana Wing)	216
7		Grand Margherita	235
8		Imperial Boulevard	105
9		Tune Hotel	47
10		Dormani Hotel	48
11		Grand Continental	193
12		Meritin	50
13		Longhouse	91
14		Abell	49
15		Lot 10	35
16		Telang Usan	54
17		Imperial Riverbank	86
18	<b>Miri (983)</b>	Mega Hotel	105
19		Somerset	41
20		Imperial Palace	218
21		Eastwood Valley	71
22		Imperial New Wing	98
23		Paragon	54
24		Meritz	154
25		Miri	24
26		Dynasty	141
27		Kenyalang Suite	20
28		Citi Hotel	21
29	Nova	36	
30	<b>Bintulu (403)</b>	Wasan Inn	27
31		Fairfield by Marriot	159
32		Kidurong Inn	54
33		Motel Kapok	56
34		Faber Inn	28
35		AA Inn	13
36		Ambassador	66
37	<b>Limbang (117)</b>	Purnama	33
38		Seri Malaysia (Lawas)	56
39		Mandarin (Lawas)	28
40	<b>Sibu (145)</b>	Premier	145
41	<b>Samarahan (157)</b>	INFRA	62
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	95
43	<b>Sarikei (20)</b>	Garden Hotel	20
<b>Jumlah PUS</b>			<b>4,244</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **tiga (3) lokasi di Sibiu (2) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,136 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 05.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
1	Kuching	TIADA	719
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>442</b>
<b>3</b>	<b>Sibiu</b>	<b>2</b>	<b>203</b>
4	Samarahan	TIADA	139
5	Sarikei	TIADA	122
6	Bintulu	TIADA	121
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	72
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,136</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **33 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 05.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	9
4	MCC	13
5	MD Marudi	5
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>